



PERATURAN-PERATURAN

1. NAMA DAN NAUNGAN

- 1.1 Kelab ini dinamakan KELAB SUKAN DAN REKREASI VETERINAR (yang kemudiannya disebut KSRV).
- 1.2 KSRV adalah dibawah naungan FAKULTI PERUBATAN VETERINAR (yang kemudiannya disebut Fakulti) atau FPV, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (yang kemudiannya disebut Universiti atau UPM).

2. TAFSIRAN

KSRV	KELAB SUKAN DAN REKREASI VETERINAR
Fakulti	FAKULTI PERUBATAN VETERINAR atau singkatannya FPV
Universiti	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA atau singkatannya UPM
Ahli	Seseorang yang memenuhi syarat menjadi ahli KSRV
Yuran tahunan	Merupakan sejumlah wang yang dibayar oleh ahli KSRV dan perlu dibayar setiap tahun
Jawatankuasa KSRV	Mereka yang dicalon dan dipilih atau dilantik semasa pilihanraya atau melalui undi semasa Mesyuarat Agung Tahunan untuk menganggotai serta memimpin KSRV
Mesyuarat Jawatankuasa	Sebarang mesyuarat yang diadakan oleh Jawatankuasa KSRV selain daripada Mesyuarat Agung Tahunan dan kekerapannya dibawah budibicara Jawatankuasa itu sendiri.
Mesyuarat Agong Tahunan	Mesyuarat yang diadakan hanya sekali (kecuali sekiranya mendapat bantahan, kekurangan koram atau sebab-sebab lain) di dalam tempoh pimpinan Jawatankuasa KSRV
Mesyuarat Agung Luar Biasa	mesyuarat yang diadakan diatas permintaan ahli KSRV setelah mendapat persetujuan dan kelulusan daripada Jawatankuasa KSRV.

3. OBJEKTIF

- 3.1 untuk menjaga kebajikan semua ahlinya yang sah dan berdaftar.
- 3.2 untuk berinteraksi sesama ahli bagi merapatkan hubungan silaturrahim melalui aktiviti yang diadakan.
- 3.3 untuk menggalakkan perkembangan pengetahuan, kemahiran dan jati diri ahli menerusi aktiviti sukan, rekreasi dan kebajikan.
- 3.4 untuk menganjurkan aktiviti bertujuan memungut derma dan sumbangan untuk menambah dana Kelab bagi amal dan kebajikan ahli.
- 3.5 untuk mengadakan aktiviti dan interaksi dengan kelab atau pertubuhan lain untuk mengukuh persefahaman ahli diperingkat setempat.

4. KEAHLIAN

Terdapat dua jenis keahlian:

- 4.1 Ahli biasa
 - i) keahlian KSRV secara otomatis apabila dia menjadi staf Fakulti samada secara tetap, kontrak, sementara atau sambilan.
 - ii) ahli biasa layak mendapat kesemua faedah dan kemudahan menjadi ahli KSRV.
 - iii) ahli biasa layak mengundi dan menganggotai Jawatankuasa KSRV.



4.2 Ahli Bersekutu

- i) terbuka kepada staf UPM lain yang ditempatkan di Fakulti.
- ii) pelajar pasca siswazah dari dalam dan luar Negara.
- iii) bekas ahli KSRV yang diluluskan oleh Jawatankuasa KSRV.
- iv) ahli bersekutu layak mendapat semua faedah dan kemudahan ahli KSRV **kecuali** menerima sumbangan kewangan seperti Aturan peruntukan dalam perenggan 7.2.
- v) ahli bersekutu tidak layak menngundi dan menganggotai Jawatankuasa.

5. HAK AHLI

Semua ahli KSRV mempunyai hak yang sama di dalam KSRV ini kecuali di dalam perkara tertentu yang dinyatakan di dalam Peraturan ini.

6. YURAN

6.1 Yuran KSRV adalah mengikut kategori berikut;

- i) Kategori Staf C atau D atau pelajar pasca siswazah = RM 15.00 seorang;
- ii) Kategori Staf B = RM 30.00 seorang; dan
- iii) Kategori Staf A = RM 50.00 seorang.

6.2 Yuran ini juga merupakan yuran tahunan yang perlu dibayar oleh setiap ahli pada setiap tahun.

6.3 Ahli yang tidak menjelaskan yuran tahunan adalah dengan sendiri tidak mendapat sebarang keistimewaan sebagai ahli.

6.4 Jumlah yuran yang perlu dibayar boleh dipinda mengikut kesesuaian masa setelah mendapat kelulusan dan persetujuan oleh ahli KSRV di dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau melalui surat edaran kepada semua ahli.

7. FAEDAH KEAHLIAN

7.1 berpeluang menyertai semua aktiviti seperti sukan dan rekreasi yang berkaitan atau ada hubungannya dengan KSRV.

7.2 berhak menerima bantuan berbentuk kewangan yang disyaratkan oleh Ahli Jawatankuasa KSRV seperti Aturan berikut:

- i) Perkahwinan pertama ahli sebanyak RM100.00.
- ii) Mendapat anak pertama ahli sebanyak RM100.00.
- iii) Kematian ahli atau waris terdekat ahli iaitu ibu, bapa, isteri atau anak kepada ahli sebanyak RM100.00.
- iv) Dimasukkan ke wad hospital melebihi satu (1) hari kerana sakit atau kemalangan, sebanyak RM100.00 (setahun sekali sahaja).

7.3 berpeluang menjadi Ahli Jawatankuasa KSRV.

7.4 berpeluang meminjam dan menggunakan kemudahan peralatan milik KSRV.

8. KEWAJIPAN AHLI

8.1 setiap ahli KSRV hendaklah menjelaskan Yuran Tahunan yang telah ditetapkan selewat-lewatnya sebulan selepas Mesyuarat Agung Tahunan sesi sebelumnya.

8.2 setiap ahli bertanggungjawab untuk memberitahu Jawatankuasa KSRV apabila mereka berpindah, bertukar atau berhenti tempat kerja.

8.3 semua ahli KSRV mestilah menjaga imej diri, KSRV, Fakulti dan Universiti dan dilarang



berkelakuan tidak baik yang boleh menjatuhkan imej tersebut.

- 8.4 semua ahli KSRV perlu menolong dan membantu di dalam segala aktiviti KSRV terutamanya kegiatan untuk menambahkan pendapatan KSRV.

9. PERLEMBAGAAN DAN PENTADBIRAN

- 9.1 kuasa tertinggi dalam KSRV terserah kepada Mesyuarat Agung Tahunan.
- 9.2 dengan syarat yang dinyatakan di atas pentadbiran KSRV adalah dikendalikan oleh Jawatankuasa KSRV yang menerajuiya di dalam tempoh yang ditetapkan.

10. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

- 10.1 Mesyuarat Agung Tahunan KSRV hendaklah diadakan pada penghujung tahun (selepas 15 Disember) atau selewatnya awal tahun berikutnya (tidak melebihi 31 Januari), melainkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan dengan persetujuan ahli.
- 10.2 Penetapan tarikh, tempat dan masa Mesyuarat Agung Tahunan adalah tertakluk kepada Jawatankuasa KSRV di tahun itu.
- 10.3 Surat kebenaran untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan perlulah diminta daripada pendaftar Universiti dan surat pemberitahuan Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diedarkan kepada semua ahli sekurang-kurangnya seminggu (7 hari) sebelum tarikh mesyuarat diadakan.
- 10.4 Pencalonan jawatan di dalam KSRV dan usul-usul untuk dibincangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dihantar oleh ahli kepada Setiausaha Agung sekurang-kurangnya seminggu (7 hari) sebelum Mesyuarat Agung Tahunan. Satu per empat dari jumlah bilangan kesemua ahli KSRV yang berhak mengundi atau dua kali ganda bilangan Jawatankuasa KSRV (yang mana terdahulu) akan menjadi koram Mesyuarat Agung Tahunan.
- 10.5 Jika 1 (satu) jam selepas dari masa Mesyuarat Agung Tahunan sepatutnya didadakan dan koram masih tidak mencukupi, maka mesyuarat mestilah ditangguhkan ke suatu tarikh yang baru tidak lewat dari 2 minggu (14 hari) kemudian yang akan diteapkan oleh Jawatankuasa KSRV.

11. MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA

- 11.1 Mesyuarat Agung Luar biasa boleh diadakan:
- apabila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa KSRV atau di atas permintaan bertulis tidak kurang dari satu per empat jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menyatakan tujuan dan sebab mengadakan mesyuarat itu.
 - Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diminta oleh ahli hendaklah diadakan di dalam tempoh 2 minggu (14 hari) dari tarikh permintaan diterima.
- 11.2 Surat pemberitahuan Mesyuarat Agung Luar Biasa hendaklah diedarkan kepada semua ahli sekurang-kurangnya seminggu (7 hari) sebelum tarikh mesyuarat diadakan.
- 11.3 Peruntukan koram di dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa adalah seperti mana yang tertera di bawah MESYUARAT AGUNG TAHUNAN perenggan (10.5).

12. JAWATANKUASA KSRV (Exco)

- 12.1 Jawatankuasa KSRV adalah terdiri daripada mereka yang dicalon dan terpilih di dalam pilihanraya KSRV.
- 12.2 Syarat-syarat untuk menjadi Jawatankuasa KSRV mestilah:
- warganegara Malaysia.



- ii) telah mencapai umur sekurang-kurangnya 18 tahun.
- iii) pekerja tetap, kontrak, sementara atau sambilan fakulti ini.
- iv) ahli sah dan berdaftar KSRV.

12.3 Jawatankuasa KSRV terdiri dari:

No.	Jawatan	Bilangan
i	Pengerusi	1
ii	Naib Pengerusi	1
iii	Setiausaha Agung*	1
iv	Penolong Setiausaha I	1
v	Penolong Setiausaha II	1
vi	Bendahari	1
vii	Penolong Bendahari	1
viii	Setiausaha Kebajikan & Kerohanian	1
ix	Setiausaha Sukan	1
x	Setiausaha Rekreasi	1
xi	Wakil Pejabat Dekan	2
xii	Wakil Jabatan Pengajian Klinikal Veterinar	2
xiii	Wakil Jabatan Patologi & Mikrobiologi Veterinar	2
xiv	Wakil Jabatan Sains Praklinikal Veterinar	2
xv	Wakil Hospital Veterinar Universiti	1
xvi	Wakil Jabatan Perubatan & Pembedahan Haiwan Kesayangan	2
xvii	Wakil Jabatan Perubatan & Pembedahan Haiwan Ladang & Eksotik	2
xviii	Wakil Jabatan Diagnosis Makmal Veterinar	2
xix	Pemeriksa Kira-kira	2
xx	Pengerusi Pilihanraya**	1

* Jawatan Setiausaha Agung merupakan jawatan tetap dan tidak dipertandingkan yang dipegang oleh Ketua Penolong Pendaftar atau Penolong Pendaftar Fakulti.

** dilantik semasa Mesyuarat Agung Tahunan.

13. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA KSRV

13.1 Pengerusi

- i) bertanggungjawab memimpin dan mentadbir semua Jawatankuasa, ahli serta aktiviti yang berkaitan dengan KSRV demi kemajuan bersama.
- ii) bertanggungjawab penuh di dalam mengendalikan semua mesyuarat Jawatankuasa di dalam tempoh pimpinannya.
- iii) berhak menandatangani semua cek yang dikeluarkan oleh KSRV bersama Setiausaha Agung atau bendahari.

13.2 Naib Pengerusi

- i) bertanggungjawab memangku dan memegang segala tugas Pengerusi semasa beliau tidak hadir.
- ii) bertanggungjawab mengambil alih kuasa Pengerusi semasa beliau tidak hadir.

13.3 Setiausaha Agung

- i) bertanggungjawab mengatur dan mengendalikan Mesyuarat Agung Tahunan KSRV.
- ii) bertanggungjawab menyediakan Minit Mesyuarat Agung Tahunan.

13.4 Penolong Setiausaha I

- i) bertanggungjawab menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa.
- ii) bertanggungjawab mencatat dan menyediakan segala Minit Mesyuarat Jawatankuasa.
- iii) bertanggungjawab menyediakan, mengedarkan semua surat mesyuarat dan surat yang



berkaitan dengan KSRV.

13.5 Penolong Setiausaha II

- i) bertanggungjawab membantu Penolong Setiausaha I di dalam semua tugasnya.
- ii) bertanggungjawab memangku dan memegang senaral tugas Penolong Setiausaha I semasa beliau tidak hadir.
- iii) bertanggungjawab mengambil alih kuasa Penolong Setiausaha I semasa beliau tidak hadir.

13.6 Bendahari

- i) bertanggungjawab menerima, mengeluar dan mengelola wang KSRV.
- ii) bertanggungjawab menyedia, mengemaskini dan membentang Penyata Kewangan semasa Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung Tahunan KSRV.
- iii) berhak menandatangani semua cek yang dikeluarkan oleh KSRV bersama Pengerusi dan Setiausaha Agung.
- iv) bertanggungjawab untuk mengutip Yuran Tahunan dari semua ahli KSRV.
- v) bertanggungjawab menjaga dan mengemaskini rekod harta KSRV.

13.7 Penolong Bendahari

- i) bertanggungjawab membantu Bendahari.
- ii) bertanggungjawab memangku dan memegang segala tugas Bendahari semasa beliau tidak hadir.
- iii) bertanggungjawab mengambil alih kuasa Bendahari semasa beliau tidak hadir.

13.8 Setiausaha Kebajikan & Kerohanian

- i) bertanggungjawab mengendalikan segala aktiviti kerohanian KSRV yang meliputi:
 - a. menguruskan perlaksanaan perkara Faedah Keahlian (7.2)
 - b. mengendalikan majlis jamuan anjuran KSRV.
 - c. mengadakan perayaan Hari Keluarga Fakulti.
 - d. kutipan derma kematian dan sumbangan perkahwinan ahli KSRV selain dari peruntukan Perenggan 7.2.
- ii) bertanggungjawab mengendalikan kegiatan selain daripada yang dinyatakan di bawah TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA KSRV perenggan 13.8(i) yang difikirkan perlu dengan mendapat persetujuan daripada Jawatankuasa KSRV.
- iii) bertanggungjawab mengendalikan segala aktiviti kerohanian (merujuk kepada agama Islam) yang meliputi:
 - a. kutipan derma yang berkaitan dengan KSRV.
 - b. menguruskan usaha menziarah/melawat ahli KSRV yang sakit/kematian.
 - c. mengurus dan mengemas surau Fakulti
 - d. mengendalikan aktiviti kerohanian untuk semua ahli KSRV.
- iv) bertanggungjawab mengendalikan kegiatan selain daripada yang dinyatakan di bawah TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA KSRV perenggan j(i) yang difikirkan perlu dengan mendapat persetujuan daripada Jawatankuasa KSRV.
- v) bertanggungjawab menyedia, mengemaskini dan membentangkan Laporan Setiausaha Kebajikan dan Kerohanian semasa Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung Tahunan KSRV.

13.9 Setiausaha Sukan

- i) bertanggungjawab mengendalikan segala aktiviti sukan KSRV yang meliputi:
 - a. sukan antara jabatan.
 - b. menyediakan pasukan KSRV dan Fakulti untuk kejohanan antara fakulti.
 - c. kegiatan sukan yang melibatkan ahli KSRV di luar Fakulti.
- ii) bertanggungjawab mengendalikan kegiatan selain daripada yang dinyatakan di bawah TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA KSRV perenggan 13.9(i) yang difikirkan perlu dengan mendapat persetujuan daripada Jawatankuasa KSRV.
- iii) bertanggungjawab melantik ketua pasukan di dalam semua bidang sukan.
- iv) bertanggungjawab menyedia, mengemaskini dan membentangkan Laporan Setiausaha Sukan semasa Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung Tahunan KSRV.



-
- v) bertanggungjawab menjaga dan mengemaskini rekod peralatan sukan KSRV.

13.10 Setiausaha Rekreasi

- i) bertanggungjawab mengendalikan segala aktiviti Rekreasi KSRV yang meliputi:
 - a. perancangan aktiviti tahunan
 - b. pelaksanaan aktiviti yang dijalankan
 - c. laporan selepas aktiviti dijalankan
- ii) bertanggungjawab mengendalikan kegiatan selain daripada yang dinyatakan di bawah TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA KSRV perenggan 13.10(i) yang difikirkan perlu dengan mendapat persetujuan daripada Jawatankuasa KSRV.
- iii) bertanggungjawab menyedia, mengemaskini dan membentangkan Laporan Setiausaha Rekreasi semasa Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung Tahunan KSRV.
- iv) bertanggungjawab menjaga dan mengemaskini rekod peralatan Rekreasi KSRV.

13.11 Wakil Pejabat Dekan dan Jabatan

- i) bertanggungjawab mengendalikan segala aktiviti KSRV yang meliputi:
 - a. mengutip dan merekod yuran tahunan ahli.
 - b. mengutip derma dan sumbangan melalui surat edaran KSRV.
- ii) bertanggungjawab mengendalikan kegiatan selain daripada yang dinyatakan di bawah TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA KSRV perenggan 13.11(i) yang difikirkan perlu dengan mendapat persetujuan daripada Jawatankuasa KSRV.
- iii) bertindak sebagai penghubung serta penyampai maklumat kepada semua ahli KSRV.

13.12 Pemeriksa Kira-kira

- i) bertanggungjawab memeriksa dan memastikan kesahihan Penyata Kewangan KSRV yang dibentangkan di dalam Laporan Penyata Kewangan Tahunan KSRV.
- ii) bertanggungjawab mengesah dan menandatangani Laporan Penyata Kewangan Tahunan KSRV.

13.13 Pengerusi Pilihanraya

- i) bertanggungjawab mengendalikan pilihanraya untuk memilih Jawatankuasa KSRV bagi tahun berikutnya.
- ii) pengendalian pilihanraya itu adalah mengikut budi bicara beliau dan jawatankuasa yang dilantik di bawahnya iaitu sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan.

14. KEWANGAN

14.1 Penyata Kira-kira

Penyata penerimaan dan pembayaran serta imbalan kira-kira bagi tempoh setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik seperti Fasal 13.12 . Ianya hendaklah dibuat dengan segera setelah tamat tahun kewangan. Penyata Kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah di kemukakan untuk kelulusan dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya.

14.2 Tahun Kewangan

Tahun Kewangan KSRV bermula dari 01hb Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

14.3 Wang di bank

KSRV hendaklah membuka Akaun semasa dimana-mana bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa. Buku cek KSRV dan simpanan wang hendaklah disimpan dengan selamat oleh Bendahari. Hanya Pengerusi dan Bendahari sahaja diberi kuasa untuk menandatangani buku cek KSRV.



14.4 Wang Tunai ditangan

Wang tunai kepunyaan Kelab hendaklah dipegang oleh Bendahari tidak melebihi RM500.00 (Lima ratus Ringgit) sahaja.

15. PINDAAN PERATURAN KSRV

Peraturan Kelab hanya boleh dipinda dalam Mesyuarat Agung (Biasa atau Luar Biasa) dengan undi majoriti dua pertiga Ahli Biasa yang hadir secara sendiri atau melalui proksi.

16. PERTANYAAN

Segala pertanyaan mengenai KSRV bolehkan dimajukan ke alamat:

Setiausaha Agung
Kelab Sukan dan Rekreasi Veterinar
Fakulti Perubatan Veterinar
43400 UPM Serdang
SELANGOR DARUL EHSAN
(U.P: Penolong Pendaftar)

*Tel: 03-9769 3999
Fax: 03-97691971*

Atau

Pengerusi
Kelab Sukan dan Rekreasi Veterinar
Fakulti Perubatan Veterinar
43400 UPM Serdang
SELANGOR DARUL EHSAN